

PEMBERIAN SUBSIDI YURAN PENGASUHAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK DI TEMPAT KERJA SEKTOR AWAM

Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 17 November 2011 14:31

Kepada: UUM - All Staff

Lampiran-lampiran:  Borang permohonan.doc (282 KB) [Buka sebagai Halaman Web];

Jabatan Pendaftar

REGISTRATION OFFICE

Universiti Utara Malaysia

17 NOVEMBER 2011

21 ZULHIJAH 1432H

PEMBERIAN SUBSIDI YURAN PENGASUHAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK DI TEMPAT KERJA SEKTOR AWAM

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Permohonan untuk mendapatkan Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak di Tempat Kerja Sektor Awam bagi staf Universiti Utara Malaysia **berjawatan tetap dan kontrak sahaja** berdasarkan kriteria di bawah adalah dibuka mulai sekarang.

- i) Pendapatan isirumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan ;
- ii) Umur kanak-kanak tidak melebihi 4 tahun mengikut tahun kalendar ;
- iii) Kanak-kanak tersebut dihantar ke Pusat Asuhan Tunku Putri Intan Safinaz, UUM; dan
- iv) Subsidi hanya diberi sebanyak RM 180.00 sahaja sebulan tidak termasuk bayaran-bayaran lain yang dikenakan.

Borang permohonan seperti di lampiran dan sila kemukakan borang yang telah lengkap diisi bersama maklumat berikut;

- i) Salinan penyata gaji pemohon dan pasangan ;
- ii) Salinan sijil kelahiran/mykid anak dan dokumen lain yang berkaitan jika anak tersebut adalah anak tiri/anak angkat/anak pelihara (semua dokumen hendaklah disahkan); dan
- iii) Salinan Penyata Gaji suami/isteri yang disahkan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Bagi suami/isteri yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (sama ada suri rumah, bekerja sendiri atau bekerja dengan sektor swasta), dokumen atau keterangan berkaitan perlu disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung / Pengerusi Jawatankuasa Penduduk / Penghulu / Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan ke atas.
- iv) Slip asal pendaftaran anak di Taman Asuhan Tunku Putri Intan Safinaz UUM (bagi pendaftaran baru).

Bagi pemohon yang telah mendapat kemudahan subsidi ini untuk tahun 2011, sila kemukakan semula permohonan untuk tahun 2012 sekiranya masih berminat dan mempunyai kriteria seperti di atas. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 15 Disember 2011 dan bagi staf yang belum pernah mendapat kemudahan subsidi ini dan akan mula mendaftar bagi tahun 2012 tarikh tutup adalah pada 09 Januari 2012.**

Sebarang kemusykilan sila hubungi En. Ibrahim b. Hanapi di talian 4026 atau Puan Ainon Mazura bt. Abu Seman di talian 3049.

Sekian, harap maklum.

JABATAN PENDAFTAR

Universiti Utara Malaysia

Tel : 04-9283021/3043

Fax : 04-9283046

e-mail : pendaftar@uum.edu.my